



PENGERUSI Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Syed Kamarulzaman Syed Kabeer dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd Nizam Yahya membantu kanak-kanak dari golongan asnaf mencuba baju Melayu sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri pada Majlis Rahmah Ramadan MAIWP: Sumbangan Pakaian dan Keperluan Raya kepada asnaf di Pasaraya Aeon Big Wangsa Maju. Turut sama Ketua Operasi Aeon Big (M) Sdn Bhd Rajeswari Dhanam. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN



MENTERI Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan menyerahkan pek berbuka puasa kepada Ketua Polis Balai Taman Tun Dr Ismail, Inspektor Mohd Azri bin Mahmud mewakili anggotanya dan turut bertugas mengawal keselamatan di Bazar TTDI, kelmarin. Azri bersama anggotanya yang beruniform dan berpakaian preman dilihat turut bermandi hujan selepas kawasan berkenaan dilanda hujan lebat dalam lawatan sempena program BSN Care Ikhlas Ramadan 2024. Selain polis, pasukan bomba dan penyelamat, petugas media, warga kariah Masjid At-Taqwa serta pengunjung bazar berkenaan turut menerima sumbangan kunjungan Amir untuk melihat sendiri penggunaan peranti BSN Duit Now QR Soundbox yang dibekalkan BSN. Majlis turut dihadiri CEO BSN, Jay Khairil.

RAYA MAKIN DEKAT



GOLONGAN wanita memilih pelbagai jenis rekaan perhiasan rantai seakan emas tulen yang dijual dengan harga mampu milik di Bazar Hari Raya Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur sempena persiapan menjelang sambutan Aidilfitri. Bagi peniaga Latifah Hussein beliau menjual perhiasan rantai emas bersadur 24k dengan harga bermula dari RM10 ke atas mengikut jenis rekaan.

PENGUNJUNG Nur Sofea Nadira Al Haris (kanan) bersama rakannya Nur Shazwani Mohd Nordin (dua, kanan), Maizatul Umairah Abdullah (dua, kiri) dan Ainim Safiya Shahrom (kiri) teruja melihat pelita yang dipasang pada Pelancaran Malam 7 Likur sempena Program Iftar@KL di pekarangan Dataran Merdeka pada waktu malam. Sebanyak 200 lampu pelita dipasang oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menggambarkan kegembiraan warga kota yang akan menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.